

**TRANSAKSI TANPA TUNAI MENGGUNAKAN KAD ATM MYDEBIT DI
R&R PLUS MENINGKAT DUA KALI GANDA HASIL KOLABORASI
PLUS BERSAMA PAYNET**

Petaling Jaya, 26 Julai 2023: Transaksi tanpa tunai menggunakan kad ATM MyDebit di kawasan rehat dan rawat (R&R) PLUS telah meningkat kepada lebih dua kali ganda dalam tempoh hanya 3 bulan hasil kerjasama antara PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet). Kejayaan ini merupakan hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif, termasuk pertandingan bayar dan menang serta usaha promosi untuk menggalakkan rakan niaga di R&R PLUS mendaftar dan mengamalkan pembayaran tanpa tunai.

Pada majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang Kempen R&R MyDebit "Wave & Menang", Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, "Kerjasama erat PLUS dan PayNet telah menyaksikan peningkatan mendadak transaksi tanpa tunai menerusi kad ATM MyDebit di R&R sepanjang Lebuhraya PLUS pada tempoh kempen ini berlangsung pada 1 Disember 2022 sehingga 28 Februari 2023 lalu. Kempen ini juga dilihat mampu menarik minat dan meningkatkan kesedaran orang ramai dalam membudayakan pembayaran tanpa tunai bagi menyokong aspirasi Kerajaan dalam mempromosikan transaksi secara digital di dalam negara."

Datuk Nik Airina turut menjelaskan, "Misi kami adalah menghubungkan komuniti untuk mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari, ia berteraskan strategi terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) secara menyeluruh. Dengan purata lebih 1.7 juta pengguna lebuh raya PLUS setiap hari, inisiatif ini memberi peluang kepada kami untuk menyokong kerajaan dalam mempromosikan kewangan digital dan memperkuuhkan penerimaan pembayaran secara digital di kalangan rakyat Malaysia."

Sementara itu, Farhan Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PayNet, berkata, "Sebagai penyedia infrastruktur pembayaran digital negara, mandat kami adalah untuk menerapkan budaya pembayaran tanpa tunai dengan menyediakan kemudahan dalam setiap aspek dan konteks aktiviti harian semua. Ini termasuk menyediakan kemudahan sedemikian di sepanjang hentian rehat lebuh raya untuk kemudahan pengguna jalan raya."

"Ramai yang masih tidak sedar tentang masa yang dapat dijimatkan daripada terpaksa melakukan pengeluaran wang tunai di ATM. Sebaliknya mereka boleh membuat pembayaran terus di kedai atau membuat pembelian dalam talian menggunakan kad ATM MyDebit mereka, tanpa dikenakan sebarang surc妖, walaupun untuk jumlah nilai yang kecil. Terdapat lebih 47 juta kad ATM MyDebit dalam edaran semasa yang dikeluarkan oleh 22 bank dalam negara, dan lebih 1.7 juta pengguna lebuh raya PLUS setiap hari. Ini bermakna setiap pengguna lebuh raya PLUS akan mempunyai sekurang-kurangnya satu kad ATM MyDebit yang boleh mereka gunakan. Matlamat kami adalah untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pengguna lebuh raya supaya memanfaatkan kemudahan ini melalui pembayaran kad di R&R. Kami amat berpuas hati dengan sambutan yang diterima untuk kempen ini," jelas Farhan.

"Bagi para peniaga pula, kemudahan penerimaan pembayaran tanpa tunai akan menangani sekurang-kurangnya tiga masalah yang sering mereka hadapi iaitu masalah kerap kehabisan wang baki kecil, masalah mengemas kini atau menyelaraskan baki lejar mereka pada penghujung setiap hari, dan masalah meramlal permintaan dan pengurusan stok yang lebih efisien untuk mengurus aliran tunai dan belanjawan mereka dengan lebih baik. Data kempen jelas menunjukkan bahawa sambutan para peniaga di R&R PLUS amat menggalakkan, dan kami amat mengalu-alukan mereka ke ekosistem kami yang terdiri daripada lebih 300,000 peniaga MyDebit di seluruh negara," tambahnya.



Menurut Datuk Nik Airina, "Pada ketika ini, lebih daripada 85% gerai yang beroperasi di R&R sepanjang Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dilengkapi terminal pembayaran tanpa tunai yang menerima pembayaran kad MyDebit, kad kredit, Touch 'n Go eWallet, GrabPay, Boost, MAE, ShopeePay dan Setel. Ini mencerminkan usaha kolektif dan kerjasama dengan rakan perniagaan kami ketika kami berusaha untuk memberikan pengalaman pelanggan yang positif melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien di R&R kami."



Kempen anjuran PLUS dan PayNet ini menyaksikan Sa'duddin Zainol berjaya membawa pulang sebuah motosikal Yamaha Ego Avantis bernilai lebih RM6,000 berserta 50,000 mata ganjaran PLUSMiles dengan hanya berbelanja sebanyak RM5 di R&R PLUS menggunakan kad ATM MyDebit beliau. Sepanjang kempen ini berlangsung, pengguna lebuh raya berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah dengan hanya perlu berbelanja minimum RM5 menggunakan kad ATM MyDebit mereka di R&R PLUS.

Kempen ini turut menawarkan hadiah keseluruhan bernilai sehingga RM70,000. Selain hadiah utama, tiga pemenang Hadiah Pertama turut membawa pulang komputer riba Microsoft Surface berserta 30,000 mata ganjaran PLUSMiles setiap seorang, manakala 5 pemenang Hadiah Kedua memenangi telefon bimbit Samsung Galaxy S22 berserta 20,000 mata ganjaran PLUSMiles setiap seorang. Sementara itu, mata ganjaran Petron Miles bernilai RM800 diberikan kepada 40 pemenang hadiah saguhati dan 10 pemenang hadiah bulanan turut membawa pulang mata ganjaran Petron Miles bernilai RM200 setiap satu.

PLUS sedang giat melibatkan rakan niaganya untuk meningkatkan kesedaran dan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai dengan kerjasama *Financial Education Network* (FEN) daripada Bank Negara Malaysia.

Pengguna Lebuhraya PLUS juga digalakkan untuk memuat turun Aplikasi PLUS dan mendaftar sebagai ahli PLUSMiles untuk menerima mata ganjaran PLUSMiles semasa membuat pembayaran tanpa tunai di R&R PLUS. Dengan setiap RM1 yang dibelanjakan, ahli PLUSMiles berpeluang untuk menikmati 1 Mata Ganjaran PLUSMiles.

-TAMAT-

PLUS-PAYNET COLLABORATION YIELDS A TWOFOLD INCREASE IN CASHLESS PAYMENT TRANSACTIONS VIA MYDEBIT ATM CARD AT PLUS R&Rs

Petaling Jaya, 26 July 2023: In a successful collaboration between PLUS Malaysia Berhad (PLUS) and Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), cashless transactions via MyDebit ATM card at PLUS rest and service areas (R&R) have more than doubled within a three-month period. This achievement is a result of the implementation of various initiatives, including pay and win contests and promotional efforts to encourage business partners at PLUS R&R to register and embrace cashless payments.



During the prize-giving event for the winners of the R&R MyDebit “Wave & Menang” campaign, the Managing Director of PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar said, “The seamless collaboration between PLUS and PayNet resulted in an increase of MyDebit ATM card transactions at PLUS R&R throughout the campaign period, spanning from the 1st December 2022 to 28th February 2023. The campaign successfully generated interest and raised public awareness on the adoption of cashless payments, supporting the Government’s aspiration to promote digital transactions across the country.”



Datuk Nik Airina further highlighted, "Our mission of connecting communities and build a safe and sustainable future, is guided by our comprehensive Environmental, Social and Governance (ESG) strategy. As we have touchpoints with an average of 1.7 million highway users daily, this initiative provides an opportunity for us to support the government in promoting digital finance and strengthening digital inclusion across all Malaysians."

Meanwhile, Farhan Ahmad, Group Chief Executive Officer of PayNet said, "As the provider of the country's retail digital payment infrastructure, our mandate is to inculcate cashless payment culture by embedding the convenience in every aspect and contexts of our daily activities. This includes making such facilities available along our highways' rest stops for the convenience of road commuters."

"Many are still unaware of the immense time saved from having to make the trip to withdraw cash at ATMs. They can instead make payments directly at the shops or even for online purchases using their MyDebit ATM cards, without incurring any surcharge, even for small amounts. There are over 47 million MyDebit ATM cards in circulation issued by 22 banks in the country, and over 1.7 million PLUS highway users every day. This means every PLUS highway user would have at least one MyDebit ATM cards at their disposal. Our goal is to raise this awareness and encourage highway users to unlock the convenience of making card payments at the R&Rs. We are encouraged by the phenomenal success this campaign has yielded," Farhan explained.

"For merchants, the convenience of accepting cashless payments will address at least three common problems they often face namely the frequent problem of running out of small change, the problem of updating or reconciling their ledger balances at the end of each day, and the problem of forecasting demand and stock levels accurately to better manage cashflow and budget. The campaign results clearly show that the merchants at PLUS R&Rs are very discerning, and we warmly welcome them to our ecosystem of over 300,000 MyDebit merchants across the country," he added.



KENYATAAN MEDIA

According to Datuk Nik Airina, “We have over 85% of the stalls operating in R&Rs across the PLUS highway and Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) equipped with a cashless payment terminal that accepts MyDebit, credit card, Touch ‘n Go eWallet, GrabPay, Boost, MAE, ShopeePay and Setel providing our customers with extended transaction options. This reflects the collective effort and collaboration with our business partners as we strive to provide positive customer experience through the provision of streamlined and effective services at our R&R.”

The campaign, organised by PLUS and PayNet, saw Sa'duddin Zainol emerge as the winner of a Yamaha Ego Avantis motorcycle, valued at over RM6,000, along with 50,000 PLUSMiles reward points. His purchase of as low as RM5 at a PLUS R&R using his MyDebit ATM card secured him the win. Throughout this campaign, highway users had the opportunity to win various prizes with a minimum purchase of RM5 using their MyDebit ATM card at a PLUS R&R.

The campaign also offered total prizes amounting to RM70,000. In addition to the grand prize, three First Prize winners were awarded a Microsoft Surface laptop along with 30,000 PLUSMiles reward points each. Additionally, five Second Prize winners received a Samsung Galaxy S22 smartphone accompanied by 20,000 PLUSMiles reward points each. The campaign also awarded 40 consolation prize winners with Petron Miles reward points valued at RM800 each, while 10 monthly prize winners received Petron Miles reward points worth RM200 each.

PLUS is actively engaging its business partners to enhance awareness and improve the adoption of cashless payment methods in collaboration with Bank Negara Malaysia's Financial Education Network (FEN).

PLUS highway users are encouraged to download the PLUS App and register as PLUSMiles members to receive PLUSMiles reward points for every cashless transaction made at PLUS R&R. With every RM1 spent, PLUSMiles members will enjoy 1 PLUSMiles reward point.

-END-